

19 MAY 2001

MIC-Samy

SAMY VELLU MERADANG BERHUBUNG CADANGAN ANGGOTA PERWAKILAN

JOHOR BAHRU, 19 Mei (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini meradang selepas anggota perwakilan yang membahaskan ucapan presiden pada Perhimpunan Agung MIC ke-55 mendakwa bahawa MIC tidak mengamalkan demokrasi.

P.Ponmugam dari Bahagian Seputeh berkata jawatan setiausaha agung parti harus dipilih dan bukan melantik seseorang bagi jawatan penting itu.

"Jangan beritahu saya bagaimana untuk memimpin parti ini...jika kamu mahu, kemukakan cadangan menjelang esok tentang bagaimana untuk mengendalikan parti...jika kamu mahu, kamu boleh mencabar saya pada 2003 bagi jawatan presiden," kata beliau kepada Ponmugam.

Samy Vellu berkata: "Mulai sekarang, jangan panggil saya presiden, panggil sahaja saya MIC dan saya akan bangun...mengendalikan parti politik bukan seperti mengendalikan kedai bunga, anda memerlukan kemampuan dan kecerdikan."

Beliau berkata Ponmugam tidak harus mempersoalkan mengenai demokrasi dalam MIC kerana hakikat bahawa beliau sekarang berdiri di hadapan lebih 1,500 anggota perwakilan membuktikan bahawa parti itu mengamalkan demokrasi.

Beliau berkata Ponmugam tidak harus memberitahunya apa yang harus dilakukan dengan parti kerana itu adalah tanggungjawab majoriti anggota parti.

Beliau kemudian meminta penyandang jawatan dalam parti yang duduk di pentas supaya bangun sebagai tanda menunjukkan bahawa mereka dipilih dan hanya segelintir anggota dilantik.

Apabila beliau habis berucap, seorang perwakilan dari Negeri Sembilan mahu berucap mengenai tajuk yang sama dan enggan meninggalkan pentas. Ini menimbulkan kekecohan di kalangan majoriti anggota dengan sesetengah daripada mereka menjerit supaya mesyuarat diteruskan tanpa gangguan.

Samy Vellu, bagaimanapun dapat mengawal keadaan apabila meminta semua orang supaya duduk.

Terdahulu, Samy Vellu meneguru beberapa anggota perwakilan kerana membangkitkan perkara-perkara yang telah disebutkan dalam laporan tahunan MIC.

"Baca laporan tahunan dahulu...jangan membuang masa bertanyakan soalan yang telahpun dijawab dalam laporan tahunan," kata Samy Vellu selepas beberapa perwakilan membangkitkan soal mengenai aktiviti parti 2000 dan akaun MIC.

Beliau berkata jika para perwakilan bertanyakan soalan yang wajar, penyandang jawatan lebih daripada bersedia untuk menjawabnya secara panjang-lebar," kata beliau.

Para perwakilan menerima laporan tahunan selepas sesi soal jawab selama dua jam sebelum membahaskan ucapan presiden oleh Samy Vellu.

Dua anggota veteran parti -- Datuk M. Muthupalaniapan, bekas pengerusi MIC Negeri Sembilan dan Datuk K. Kumaran, bekas anggota Parlimen Tapah dan pengerusi MIC Perak -- diberi penghargaan kerana khidmat lama mereka kepada masyarakat India.

Perhimpunan dua hari itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi dan dihadiri oleh kira-kira 1,500 perwakilan dari 162 bahagian dan 500 pemerhati.

-- BERNAMA

SR TS FAZ

